

**SOALAN NO: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**

**TARIKH : 18 MAC 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan dan bidang tugas dimainkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia daripada segi pengawalan pencerobohan zon perikanan dan penggunaan alat atau kaedah perikanan yang tidak dibenarkan. Apakah KPI untuk agensi-agensi tersebut berkenaan dengan aktiviti penguatkuasaan undang-undang perikanan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perikanan Malaysia merupakan jabatan yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen bagi penangkapan ikan di Malaysia. Selain itu juga, Jabatan Perikanan bertanggungjawab untuk menentukan jenis peralatan menangkap ikan yang sesuai di zon tangkapan ikan A, B, C, C2 dan C3. Ini adalah berdasarkan Akta Perikanan 1985.

Penguatkuasaan undang-undang bagi Akta Perikanan 1985 merupakan antara fokus operasi yang dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Sebagai agensi tunggal yang menguatkuasakan Undang-Undang Persekutuan di Zon Maritim Malaysia (ZMM) sejak November 2011, APMM serius dalam menangani dan mengawal isu pencerobohan zon perikanan dan kesalahan penggunaan peralatan menangkap ikan yang diharamkan demi memastikan agar sumber perikanan di dalam ZMM terus terpelihara dan berpanjangan. APMM juga bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang sekiranya berlaku pencerobohan terhadap perairan negara oleh nelayan-nelayan asing. Sebagai agensi pelaksana yang menguatkuasakan undang-undang perikanan, APMM telah melaksanakan pelbagai kaedah dan cara bagi menangani dan mengawal isu ini melalui kaedah berikut:

1. Meningkatkan kekerapan rondaan di kawasan-kawasan yang sering dilaporkan berlaku pencerobohan kawasan sebagai cegah rintang terhadap aktiviti ini.
2. Menjalinkan kerjasama dengan persatuan nelayan kawasan melalui program dialog, ceramah kesedaran dan Projek Jiwa Murni.
3. Mewujudkan program 'Sahabat Maritim' yang mendekatkan lagi kewujudan APMM dengan komuniti maritim terutamanya golongan nelayan.
4. Tindakan pantas dengan penghantaran aset operasi berdasarkan aduan daripada sumber risikan dan pemberi maklumat.
5. Tindakan berdasarkan aduan oleh pengadu melalui portal E-Maritim.

APMM juga telah merangka Indeks Kajian Prestasi bagi menangani isu-isu perikanan di bawah Objektif Strategik Bahagian Operasi iaitu Zon Maritim Malaysia yang AMAN DAN TERKAWAL. KPI ini menggariskan Petunjuk Prestasi Utama melalui peratus Pematuhan Undang-undang terhadap Akta Perikanan 1985 yang didefinisikan dengan menguatkuaskan Akta Perikanan 1985 di Zon Maritim Malaysia. Berpandukan KPI ini APMM telah melaksanakan inisiatif seperti berikut:

1. Memperagakan kehadiran di kawasan titik panas;
2. Peningkatan cegah rintang secara visual (*Visible Deterrent*);
3. Peningkatan pengawasan dan pemantauan (*Domain Maritime Awareness*);

4. Peningkatan Tindak balas pantas (*Swift Response*);
5. Sentiasa hadir (*Ever Present*);
6. Menjangkau jauh (*Forward Reaching*);
7. Peningkatan jaringan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan di dalam dan luar negara;
8. Peningkatan kecekapan penguatkuasaan;
9. Penanda aras dengan *Japan Coast Guard*.

Sekian. Terima kasih.